

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 4
SURAT

RM67b perkara pendidikan, TVET



Program TVET tingkat penguasaan kemahiran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi. (Foto hiasan)

RM67b perkara pendidikan, TVET

Pembinaan sekolah vertikal akan diperluas tangani isu kepadatan pelajar

Oleh Mahani Ishak
dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak RM67 bilion diperuntukkan kerajaan bagi sektor pendidikan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), merangkumi pembinaan sekolah baharu, kerja baik pulih dan naik taraf sekolah daif, termasuk tadika KEMAS serta kemudahan institusi pengajian tinggi awam.

Peruntukan itu turut menekankan keperluan pendidikan sebagai syarat utama dalam perancangan pembangunan, termasuk projek perumahan berskala besar yang memerlukan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata sehingga 2025, 1,200 sekolah daif di seluruh negara dinaik taraf.

"Syarat kebenaran merancang mesti dimasukkan (sebagai) keperluan pendidikan. Pembinaan sekolah vertikal akan diperluas bagi menangani isu kepadatan pelajar dan ketidapapan sekolah berskala kecil," katanya.

Sementara itu, Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) MADANI

PELABURAN PENDIDIKAN

RM67 bilion

- 1 Bina sekolah baharu, baik & naik taraf sekolah termasuk KEMAS, IPTA
- 2 Pembinaan sekolah jadi syarat Kebenaran Merancang bagi projek perumahan baharu berskala besar
- 3 Pembinaan sekolah vertikal diperluas



kan penguasaan kemahiran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi termasuk kepada pelajar tahfiz dan huffaz. Tahun lalu, seramai 212,000 kemasukan baharu ke dalam program TVET direkodkan.

Anwar berkata, program TVET semakin mendapat sambutan, malah pada 2024 sahaja, seramai 212,000 kemasukan baharu ke da-

Justeru, program TVET MADANI akan diperkasa bagi meningkatkan penguasaan kemahiran yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi, termasuk kepada pelajar tahfiz dan huffaz.

Pada masa sama, tahap pensijilan TVET akan ditingkatkan dengan memperkatakan tiga tahap sijil, diploma, ijazah, enam hingga lapan agar setara dengan tahap kelayakan pengajian tinggi di bawah Kementerian Kelayakan